

SOALAN NO.499**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT PUAN KASTHURIRAANI
A/P PATTO [BATU KAWAN]**

SOALAN :

YB Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta PERDANA MENTERI menyatakan bilangan kes rogol, liwat, sumbang mahram, dan kematian yang disebabkan oleh keganasan rumah tangga bagi mangsa lelaki, wanita dan kanak-kanak mengikut pecahan etnik, umur dan negeri dari tahun 2000 hingga Jun 2017 serta bilangan pendakwaan dan sabitan mengikut jenayah.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, rekod statistik terkumpul mengikut jenis kesalahan di bawah Kanun Keseksaan bagi bunuh, rogol, liwat dan sumbang mahram bagi tempoh antara tahun 2000 hingga Jun 2017 adalah seperti yang berikut:

Kesalahan Di Bawah Kanun Keseksaan [Akta 574]	Bilangan Pendakwaan	Bilangan Sabitan
Seksyen 302 - membunuh	78 (bagi kematian yang disebabkan oleh keganasan rumahtangga)	46
Seksyen 376 - rogol	3,665	2,057
Seksyen 377C - persetujuan yang bertentangan dengan aturan tabii	938	554
Seksyen 376B - sumbang mahram	512	297

Sekian, terima kasih.